

Selak baju tunang orang

MERSING: Akibat geramkan rakan di tempat kerja, seorang pemandu lori perabot yang tidak dapat mengawal nafsunya bertindak memeluk pembantu jurujual dari belakang sebelum meraba buah dada mangsa di sebuah kedai perabot di Jalan Mersing-Endau, dekat sini, Sabtu lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 3.30 petang, wanita berusia 26 tahun itu sedang mencuci tangan di sinki di belakang kedai perabot berkenaan apabila tiba-tiba lelaki terbabit datang dari belakang dan memeluknya.

Menurutnya, sebaik memeluk mangsa, lelaki ber-

usia 26 tahun itu yang tidak dapat mengawal nafsu terus mengangkat baju mangsa dan memegang payu dara mangsa.

Mangsa dapat melepaskan diri dari pelukan lelaki itu, lari ke depan kedai sambil menangis dan meminta tolong sebelum menghubungi tunangnya.

Tunang mangsa segera datang dan membawa wanita itu ke balai polis berdekatan untuk membuat laporan.

Ketua Polis Daerah, Deputy Superintendan Mohd Nor Rasid, berkata sebaik menerima aduan daripada mangsa, pihaknya berpegas ke tempat kejadian lalu menahan lelaki itu.

Menurutnya, lelaki yang beristeri dan mempunyai dua anak itu sudah lama mengenali mangsa.

Difahamkan, ketika kejadian tiada pelanggan di kedai itu manakala seorang lagi pembantu berada di bahagian depan premis.

Mohd Nor berkata, lelaki terbabit ditahan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana mencabul dan jika didapati bersalah boleh dipenjara sehingga 10 tahun, disebat atau denda.

“Lelaki itu direman empat hari bagi membantu siasatan dan dijangka dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Khamis ini,” katanya.